



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**

**21 Februari 2023**

### **CADANGAN KURANGKAN BILANGAN PENJAWAT AWAM: MCMC AKAN BUKA KERTAS SIASATAN TERHADAP AWESOME TV**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memandang serius terhadap aduan pengguna dan komited dalam usaha mempertingkatkan tahap pematuhan para pemegang lesen Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan Individu (CASP-I) supaya kandungan yang disiarkan mencerminkan budaya, identiti dan norma-norma masyarakat, selaras dengan Akta Komunikasi dan Multi media 1998 (AKM 98) dan Kod Kandungan.

Setiap aduan yang diterima akan diteliti berdasarkan peruntukan AKM 1998, peraturan-peraturan yang berkaitan di bawahnya dan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Antara tatacara/proses aduan yang dibuat adalah seperti memanggil pihak penyiar yang diadakan untuk tampil mengemukakan penjelasan bagi menentukan bentuk tindakan penguatkuasaan yang akan diambil.

Bagi aduan berkenaan laporan yang disiarkan oleh stesen televisyen Awesome TV mengenai cadangan mengurangkan bilangan penjawat awam, pihak MCMC telah mengadakan pertemuan dengan pengurusan tertinggi Awesome TV pada 20 Februari 2023 untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Satu kertas siasatan akan dibuka oleh MCMC di bawah Seksyen 206 AKM 1998 iaitu kegagalan mematuhi syarat lesen. Apabila kertas siasatan dilengkapkan, ianya akan diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk keputusan lanjut. Jika disabit kesalahan, pesalah boleh dihukum seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 242 iaitu denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

### **JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC**

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

